

Lanjut usia bersara sektor swasta jana pembangunan negara

B14 16/6/12 MS 32

BERITA mengenai kenaikan umur persaraan ke 60 tahun bagi pekerja swasta mulai tahun hadapan wajar disambut baik. Hal ini kerana sekiranya Rang Undang-undang Umur Persaraan Sektor Swasta ini diluluskan di Parlimen kelak, ia akan membawa lebih banyak manfaat berbanding keburukan.

Kita semua tahu, pada masa ini purata penduduk Malaysia hidup lebih lama iaitu menjangkau hampir 20 tahun selepas bersara. Ini bermakna mereka yang bersara pada usia kurang daripada 60 tahun akan terus menikmati kehidupan lebih lama dan kemungkinan menjadi bosan akibat tiada kerja rutin seperti yang biasa mereka lakukan ketika bekerja.

Statistik Jabatan Perangkaan menunjukkan bahawa pada 1970, bilangan penduduk berusia lebih 65 tahun adalah 3.3 peratus; kemudian meningkat kepada 3.6 peratus pada 1990 dan 4.5 peratus pada 2008.

Mengikut perangkaan dari Persekutuan Majikan Malaysia (MEF) pula, umur persaraan di kebanyakan negara Asia Pasifik adalah 60 tahun ke atas. Singapura misalnya sudah lama menaikkan umur persaraan ke 61 hingga 64 tahun manakala Thailand 60 tahun.

Begitu juga dengan Vietnam, Indonesia, Filipina, Korea Selatan dan India. Hong Kong, Jepun, Australia dan New Zealand pula menetapkan 65 tahun sebagai umur persaraan bagi pekerjanya. Hanya Malaysia yang masih berada di bawah 60 tahun.

Oleh itu, wajar usia persaraan dinaikkan kepada 60 tahun sama ada oleh sektor awam mahupun sektor swasta bagi memenuhi keperluan semasa.

Dewasa ini terdapat ramai pekerja yang masih mampu bekerja dengan baik walaupun umur mereka sudah melepasi had umur persaraan yang sedang digunakan se-

karang. Masih ramai lagi ahli akademik di universiti yang mampu menyampaikan kuliah, melakukan kajian dan menghasilkan tulisan dalam bidang masing-masing walaupun umur sudah melebihi 60 tahun. Begitu juga halnya dengan ahli perniagaan dan ahli politik. Walaupun sudah melewati 55 tahun namun mereka masih lagi aktif dalam bidang berkenaan. Apakah faedahnya bersara lewat?

Pertama, ia akan membolehkan pekerja terus bekerja selagi mana mereka produktif. Syarikat akan dapat mengekalkan pekerja berpengalaman dan seterusnya meningkatkan produktiviti manakala pekerja pula masih dapat meneruskan menyimpan wang melalui tabung persaraan demi masa depan mereka.

Kedua, mengelakkan terjadinya masalah sosial apabila terdapat ramai rakyat berusia lebih 55 tahun yang tidak bekerja. Oleh kerana

sebahagian besar daripada mereka mengalami penurunan dalam pendapatan bulanan maka sudah pastilah mereka perlu bergantung pada pihak lain seperti anak atau saudara-mara untuk menyara mereka.

Hal ini akan menambah beban golongan terbabit. Kerajaan pula akan terpaksa menanggung kos perubatan dan kesihatan yang lebih kerana golongan pesara biasanya mudah menghidap penyakit seperti kencing manis, darah tinggi, sakit buah pinggang, gout dan seumpamanya yang memerlukan rawatan berpanjangan.

Ketiga, dapat menghargai pengalaman dan bakat golongan pekerja di semua peringkat. Negara akan kerugian besar sekiranya mereka yang mahir dan berpengalaman ini memberhentikan perkhidmatan mereka sebelum berumur 60 tahun walhal mereka masih boleh dan mampu menyumbang kepada pembangunan negara.

Keempat, dapat meningkatkan hasil pendapatan negara. Peningkatan umur persaraan akan mengurangkan perbelanjaan kerajaan membayar golongan pesara. Dengan demikian, kerajaan akan dapat membelanjakan wang lebihan ke atas perkara lain yang memerlukannya.

Bukan itu saja, malah golongan pekerja yang hampir bersara biasanya sudah mempunyai pendapatan agak tinggi dan stabil. Hal ini membolehkan mereka berbelanja lebih seperti membeli barang keperluan yang mewah dan seterusnya menyebabkan peningkatan dalam permintaan terhadap pengeluaran atau penghasilan barangan itu.

Secara tidak langsung ekonomi dalam negara akan bertambah baik.

ZAMRI JAMALUDDIN,
Hulu Langat, Selangor.